

NATIONAL AI OFFICE

PEJABAT KECERDASAN AI KEBANGSAAN (NAIO) MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SHAMSUL IZHAN ABDUL MAJID ATAS SUMBANGAN TERHADAP AGENDA AI NEGARA

Pejabat Kecerdasan AI Kebangsaan (NAIO) hari ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Shamsul Izhah bin Abdul Majid yang menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Pejabat AI Kebangsaan (NAIO).

Sejak pelancaran NAIO pada Disember 2024, Shamsul Izhah telah memainkan peranan penting dalam meletakkan asas kepada agenda kecerdasan buatan (AI) negara, memperkukuh kerjasama antara kerajaan, industri dan akademik, serta memacu pelbagai inisiatif strategik bagi menyokong aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara AI yang dipercayai, inklusif dan berteraskan inovasi.

Kepimpinan dan dedikasi beliau telah membantu membentuk NAIO pada peringkat awal penubuhannya serta meletakkan asas penting bagi perjalanan transformasi AI negara. NAIO merakamkan penghargaan atas segala sumbangan beliau dan mendoakan kejayaan yang berterusan dalam perjalanan kerjaya beliau pada masa hadapan.

NAIO akan terus komited dalam memacu pelaksanaan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2026–2030 serta agenda AI negara yang lebih luas, dengan meneruskan momentum dan kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Strategik

Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO)

25 Jun 2026